

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

SOALAN

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan bayi, kanak-kanak dan remaja mengikut pecahan umur, jantina, negeri dan etnik yang berada di rumah-rumah anak yatim JKM serta yang didaftarkan di bawah JKM di seluruh negara dan apakah had umur kanak-kanak ini tanpa kewarganegaraan sebelum pihak JKM memohon untuk kewarganegaraan untuk mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menguruskan **36** buah institusi kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan tertakluk di bawah Akta Kanak-Kanak 2001. Selain itu, JKJ turut menyediakan dua (2) buah institusi Rumah Perlindungan (RP) bagi mangsa pemerdagangan kanak-kanak di bawah Akta Anti Pemerdagangan Dan Penyeludupan Migran (ATIP) 2007.

Berdasarkan statistik JKJ, sehingga September 2019 terdapat seramai **1,933** orang kanak-kanak yang ditempatkan di institusi kanak-kanak seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, seramai **1,098** orang adalah dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan **835** orang merupakan kanak-kanak perempuan. Berdasarkan pecahan umur, kanak-kanak yang berusia 15-18 tahun merupakan bilangan terbesar yang ditempatkan di institusi iaitu seramai 864 orang. Manakala kanak-kanak yang berumur 5 hingga 6 tahun mempunyai bilangan paling kecil iaitu seramai 94 orang. Berdasarkan etnik, majoriti kanak-kanak terdiri daripada etnik Melayu iaitu seramai 1,401 orang dan diikuti dengan etnik India seramai 148 orang dan etnik Cina seramai 80 orang.

Berdasarkan pecahan mengikut negeri, kanak-kanak yang ditempatkan di institusi di negeri Perak mempunyai bilangan tertinggi iaitu seramai 305 orang. Seterusnya diikuti dengan Wilayah Persekutuan seramai 301 orang dan negeri Pulau Pinang seramai 274 orang kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kanak-kanak yang ditempatkan di institusi kanak-kanak kendalian JKJ adalah daripada bayi sehingga mencapai usia 18 tahun. Semasa tempoh penempatan tersebut, JKJ akan menguruskan dokumen pengenalan diri termasuk permohonan taraf kewarganegaraan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk tujuan pertimbangan.